



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) 1981
DR.14/1981

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) 1981 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 15hb Mei 1981.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa. Pindaan bagi seksyen 2. Akta 31.

2. Seksyen 2 Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Jadual-jadual Pertama dan Kedua" yang terdapat dalam seksyen kecil (1) dengan perkataan "Jadual".

3. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan "Kedua" yang terdapat di dalamnya dan dalam nota birai kepadanya.

Pindaan bagi seksyen 12.

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong Jadual Pertama kepadanya.

Memotong Jadual Pertama.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957 bagi menyatukan Jadual Pertama dan Kedua yang ada supaya menjadi satu Jadual yang boleh dipinda oleh Yang di-Pertuan Agong melalui peraturan-peraturan dari masa ke masa.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

[PN. (U²) 1104.]